

JUMAAT 17 JULAI, 1981

Pimpinan Mahathir

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad rasmi menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat semalam. Walaupun banyak ramalan, terutama dari kalangan perniagaan, mengatakan perubahan besar mungkin berlaku — prasangka yang memberi kesan kepada pasaran saham sejak Perhimpunan Agung UMNO lepas — dari beberapa temubual bellau dengan akhbar adalah jelas Kerajaan di bawah pimpinannya akan meneruskan semua dasar yang telah sedia. Perubahan, jika pun ada, cumalah pada perbezaan pelaksanaan dan tumpuan perhatian saja. Terkenal dengan sifat tidak sabarnya terhadap sebarang kelemahan dalam Perkhidmatan Awam, kemungkinan sektor ini bergerak lebih cergas dan licin selepas ini adalah cerah. Bersesuaian dengan sifatnya juga, kemungkinan besar anggota-anggota Kabinetnya nanti akan terlibat lebih langsung dengan pelaksanaan dan pencapaian semua dasar dan projek.

Selain itu segalanya dijangka berjalan seperti biasa. Beliau pasti akan memberi perhatian dan tenaga yang lebih kepada DEB kerana tempoh sasarannya yang cuma tinggal sepuluh tahun saja lagi, sedang pencapaiannya kurang dari matlamatnya. Di samping itu beliau juga terpaksa menghadapi harapan dan tuntutan orang Melayu yang semakin besar, dan kebimbangan bukan Melayu, terutama masyarakat perniagaan, bahawa peluang-peluang mereka akan tersekat oleh keghairahan mencapainya matlamat DEB itu. Dalam hubungan ini pendirian Dr. Mahathir adalah jelas. Beliau tidak akan berganjak sedikit pun dari dasar tersebut, walau menyedari bahawa DEB juga akan menyekat sedikit kadar pertumbuhan ekonomi. Tetapi, sepatah katanya, kekurangan itu adalah pengorbanan yang wajar kerana ia akan memberi sumbangan besar terhadap kestabilan negara.

Dasar luarnegeri juga pasti tidak berubah. Selamanya beliau berpendirian sama dengan pemimpin-pemimpin lepas bahawa Malaysia, dan Asean seluruhnya, harus mengekalkan dasar sama-jarak dalam hubungannya dengan kuasa-kuasa besar. Atas kemungkinan ini semua, tidak siapa yang harus merasa bimbang. Kejatuhan harga di pasaran saham adalah perkara biasa di mana juga bila berlaku pertukaran kepimpinan, dan kerana itu tidak boleh dianggap sebagai pertanda buruk terhadap ekonomi dan kepercayaan pelabur-pelabur kepada negara. Bagaimanapun, seperti nasib Tun Hussein Onn kelmarin, seluruh rakyat haruslah bersama-sama berusaha mewujudkan perpaduan yang lebih baik sepanjang masa kerana cuma perpaduanlah yang akan menjamin kestabilan negara ini — dan kestabilan menjamin kemajuannya.